

Headline	KP Frim Tokoh Buku Penyelidikan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	28 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	11	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,197
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,592



# KP Frim Tokoh Buku Penyelidikan

**KUALA LUMPUR** - Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abd Latif Mohmod menerima Anugerah Perdana bagi Kategori Tokoh Buku Penyelidikan 2015 daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN), kelmarin.

Majlis penyampaian tersebut disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Majlis Anugerah Buku Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pemilihan Abd Latif bagi mengiktiraf sumbangan beliau dalam mempelopori usaha menterjemah penerbitan saintifik Frim kepada bentuk

buku Mesra Ilmu (*Coffee-table books*) yang lebih mudah difahami.

Beliau yang menerajui Frim sejak 2008 telah menghasilkan lebih 300 penulisan saintifik berkaitan alam sekitar sejak berkhidmat sebagai pegawai penyelidik di institusi tersebut. Sebelum ini, beliau dipilih sebagai Top Research Scientist Malaysia pada 2013 dan dilantik sebagai felo Akademi Sains Malaysia sejak 2014.

"Saya bersyukur kerana dipilih untuk menerima anugerah ini dan berharap, melalui pengiktirafan sebegini, lebih banyak lagi buku penyelidikan negara yang dapat diterjemahkan untuk manfaat masyarakat

umum," katanya.

Di bawah bimbingan beliau, Frim berjaya menghasilkan lebih 214 judul penerbitan rasmi bagi menyebarkan maklumat penyelidikannya termasuk 22 buku mesra ilmu. Empat daripada buku mesra ilmu ini telah meraih Anugerah Buku Negara Kategori Buku Teknikal Terbaik, Buku Umum Terbaik (Sains) dan Anugerah Perdana Kategori Penyelidikan pada 2010, 2012 dan 2013.

Antara penerima

Anugerah Perdana 2015 termasuk Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim bagi Tokoh Sejarawan dan Prof Emeritus Dr Hashim Musa bagi Anugerah Perdana Za'ba bagi Kategori Tokoh Linguistik.

Pada majlis sama, buku *Seni Tanaman Hiasan Dalaman* yang ditulis oleh Pegawai Penyelidik Frim, Dr Sreetheran Maruthaveeran turut dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2015 ini mengandungi pelbagai maklumat dan panduan dalam memilih tanaman hiasan yang sesuai bagi sesuatu ruang dalaman, serta kaedah penjagaan dan penyelenggaraan.

Majlis Anugerah Buku Negara ini diadakan sempena Ekspo Buku Malaysia 2015 dan Persidangan Buku Antarabangsa 2015 yang dianjurkan oleh YPBN di PWTC selama tiga hari bermula 25 November lalu.



Ahmad Zahid (kanan) menyampaikan anugerah kepada Abd Latif.